

# Dr. Mahathir tidak berminat dicalonkan Setiausaha Agung PBB

UM 18 SEP 2004  
SERDANG 17 Sept. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak berminat untuk dicalonkan sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menggantikan Koffi Annan yang akan menamatkan tempohnya pada 2006.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, selain Dr. Mahathir dua lagi nama yang disebut-sebut untuk dicalonkan ke jawatan itu iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam dan bekas Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail juga tidak berminat.

"Oleh itu Malaysia akan menyokong calon daripada Thai-

land memandangkan beliau merupakan calon dari sebuah negara ASEAN," katanya lagi.

Syed Hamid berkata demikian apabila ditanya mengenai calon Malaysia sebagai Setiausaha Agung PBB yang baru.

Beliau ditemui selepas menyampaikan syarahan *Hala Tuju Dasar Luar Malaysia Di Pentas Global Selepas Peristiwa 11 September* di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Beliau menambah, Malaysia tidak mempunyai mana-mana calon lain setelah calon-calon yang dianggap sesuai tidak berminat untuk menerima pencalonan terbabit.

"Kita tidak boleh memilih calon dengan sewenang-we-

ngannya dan perlu teliti di dalam mencalonkan sebarang nama," kata Syed Hamid.

Jelasnya, selain mendapat restu daripada negara sendiri calon yang dikemukakan oleh sesebuah negara juga perlu mendapat sokongan daripada anggota Majlis Keselamatan PBB.

Sejak ditubuhkan, PBB hanya mempunyai seorang tokoh dari Asia iaitu U-Thant dari Myanmar yang menjadi setiausaha agungnya pada tahun 1961.

Selain U-Thant, pertubuhan agung berkenaan mempunyai dua setiausaha agung dari Afrika dan seorang lagi dari Amerika Latin.